

Headline	TNB lahirkan pakar modal insan industri tenaga		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	16
ArticleSize	268 cm ²	Journalist	AKMYR SYAHAR
PR Value	RM 15,891		



TNB lahirkan pakar modal insan industri tenaga

OLEH AKMYR SYAHAR KADIR

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 Feb. - Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus komited membangunkan modal insan industri perbekalan elektrik negara menerusi penubuhan Pusat Latihan Teknikal di Kota Belud, Sabah bagi melatih warga kerja Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB).

Pengerusi TNB SESB, Tan Sri Leo Moggie berkata, selain SESB yang merupakan anak syarikat pegangan 83 peratus TNB, pusat latihan tersebut juga akan memberi manfaat kepada kontraktor SESB dan masyarakat awam di Negeri di Bawah Bayu itu.

"Ia adalah pusat latihan teknikal bagi kursus kekompetenan pencantum kabel yang pertama di Sabah dan telah mendapat pentaulahan Suruhanjaya Tena-ga (ST) untuk mengendalikan latihan kepada para pelatih dalam kategori pencantum kabel elek-trik sehingga tahap voltan 33 kilo-volt (kV)," katanya dalam kenya-taan di sini hari ini.

Beliau yang merasmikan pusat itu baru-baru ini berkata, operasi pusat latihan tersebut turut melibatkan sebuah lagi anak syarikat pegangan 100 peratus TNB iaitu TNB Integrated Learning Solution Sdn. Bhd. (Ilsas).



LEO MOGGIE (kiri) menarik tirai sempena perasmian Pusat Latihan Teknikal SESB di Kota Belud, baru-baru ini.

Katanya, penubuhan pusat itu adalah selari dengan hasrat TNB untuk membangunkan modal insan berkaitan latihan teknikal dan perkhidmatan khusus yang dilaksanakan oleh Ilsas bagi TNB dan industri tenaga sejak 40 ta-hun lalu.

"Sejak 1978 lagi Ilsas giat mem-bangunkan tenaga mahir yang kini dikenali sebagai Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Menerusi Ilsas, sejak tiga tahun kebelakangan ini, TNB telah membelanjakan RM90 juta setahun untuk pembangunan modal insan," katanya.

Menurut beliau lagi, selain Ilsas, pembabitan TNB untuk

membangunkan modal insan tu-rut melibatkan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) dan Yayasan Tenaga Nasional (YTN).

"Daripada 27,729 siswazah yang dilahirkan Uniten sejak pe-nubuhannya pada 1997, seramai 12,505 atau 45 peratus adalah lu-lusan kejuruteraan, sementara YTN pula menawarkan 11,000 bi-aswisa dan pinjaman boleh ubah sejak 1993 lagi," kata Moggie.

Tahun lepas Uniten berada dalam kelompok dua peratus terbaik dari 26,000 universiti di seluruh dunia, berdasarkan QS *World University Rankings* mengi-kut subjek Kejuruteraan dan Teknologi.